




5. Kerajaan memberi subsidi minyak agar harga minyak di pasaran tidak meningkat secara berterusan. Apakah kaedah perniagaan yang digunakan?
- Secara percuma
  - Jualan pada harga kos
  - Jualan pada harga di atas kos
  - Jualan pada harga di bawah kos
6. Aini ingin memulakan perniagaan pakaian secara kecil-kecilan. Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?
- Kemahiran yang pelbagai
  - Kos penubuhan yang rendah
  - Mudah mendapat keuntungan
  - Menanggung risiko bersama dengan pelanggan
7. Gambar di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.



- Mengapakah Encik Ali memilih penubuhan perniagaan tersebut?
- Liabiliti terhad
  - Proses penubuhan adalah rumit
  - Bilangan pemilik ialah antara 2 - 20 orang
  - Pemilik mempunyai kawalan secara langsung ke atas perniagaan
8. Pernyataan yang manakah **benar** tentang ciri-ciri sebuah perniagaan perkongsian?
- Liabiliti tidak terhad
  - Jangka hayat adalah kekal
  - Bilangan pemilik ialah antara 2 orang hingga 50 orang
  - Perniagaan boleh diteruskan jika terdapat rakan kongsi meninggal
9. Pernyataan di bawah berkaitan dengan perniagaan perkongsian.
- Rakan kongsi yang menyumbangkan nama sahaja dan tidak aktif dalam aktiviti operasi perniagaan.**
- Rakan kongsi di atas merujuk kepada
- rakan kongsi aktif
  - rakan kongsi lelap
  - rakan kongsi berhad
  - rakan kongsi nominal

10. Antara yang berikut, aspek yang manakah menerangkan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)?

- A Liabiliti terhad
- B Mudah ditubuhkan
- C Jangka hayat pendek
- D Kewujudan tidak kekal

11. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

- *Syarikat Pembuatan Kertas AA Sdn. Bhd.*

- *Syarikat BKK Sdn. Bhd.*

Apakah ciri-ciri syarikat-syarikat di atas?

- I Beban cukai yang rendah
  - II Mempunyai modal yang kecil
  - III Liabiliti perniagaan yang terhad
  - IV Tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

*Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada ahli lembaga pengarah*

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri

- A perkongsian
- B syarikat awam berhad
- C syarikat jaminan berhad
- D syarikat sendirian berhad

13. Gambar di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.



Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan pemilikan perniagaan di atas?

- I Menanggung liabiliti yang terhad
  - II Dikenakan cukai pendapatan yang rendah
  - III Modal dikumpulkan daripada sekumpulan persendirian
  - IV Bilangan ahli antara dua orang hingga tiada hak maksimum
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

14. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan penubuhan syarikat awam berhad?
- A Mengisi borang PNA42
  - B Mendaftar dengan pendaftar Pesuruhjaya Koperasi Malaysia
  - C Laporan kewangan tahunan perlu diumumkan
  - D Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran (Borang D)
15. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

**- Koperasi Felda Tersang Satu Berhad**  
**- Koperasi SESCO Berhad**

- Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan pemilikan perniagaan di atas?
- I Menanggung liabiliti terhadap
  - II Aktiviti tidak berunsurkan politik
  - III Modal perniagaan disumbangkan oleh rakan kongsi
  - IV PERlu didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV
16. Pernyataan yang manakah benar tentang prinsip-prinsip koperasi?
- A Kawalan secara autokratik
  - B Keanggotaan secara sukarela
  - C Mendapat keuntungan yang maksimum
  - D Hanya seorang wakil anggota mempunyai hak untuk bersuara
17. Pernyataan yang manakah merupakan kekurangan penubuhan koperasi?
- A Kewujudan yang tidak kekal
  - B Kepakaran sukar dikongsikan
  - C Syer tidak boleh dipindah milik
  - D Anggota tidak ada hak dalam membuat keputusan
18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan tujuan koperasi mengadakan mesyuarat agung tahunan?
- I Untuk meluluskan undang-undang kecil
  - II Untuk memilih ahli lembaga koperasi
  - III Untuk menubuhkan Jawatankuasa Penaja
  - IV Untuk mendapat sijil perakuan pendaftaran
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

19. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang ciri-ciri umum perniagaan francais?

- I Francais perlu membuat bayaran dalam bentuk royalty
  - II Francais mendapat bantuan daripada francaisor
  - III Francaisor dan francaisi perlu menjalankan perniagaan bersama-sama
  - IV Francaisor mengalami kehilangan hak pemilikan perniagaan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

20. Encik Arif berhak untuk menggunakan rahsia dagangan francaisor dengan membuat bayaran dalam bentuk royalty. Apakah kelebihan yang didapati oleh Encik Arif dengan menjalankan perniagaan tersebut?

- A Tidak perlu mengawal kualiti barang yang dijual
- B Risiko kegagalan dalam perniagaan rendah
- C Perniagaan boleh dilakukan secara berterusan
- D Kerugian perniagaan ditanggung oleh francaisor

21. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu bentuk perniagaan.

*Syarikat Maju Berhad membuat perikatan dengan Syarikat Inovasi Berhad untuk mengeluarkan barang ICT dalam tempoh tiga tahun.*

Bentuk perniagaan di atas dikenal sebagai

- A francais
- B syarikat
- C koperasi
- D usaha sama

22. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan kelebihan perniagaan usaha sama?

- I Cara pengurusan yang sama
  - II Mudah mendapat bahan mentah
  - III Membantu memperluaskan pasaran
  - IV Visi dan misi antara dua pihak adalah sama
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

23. Antara yang berikut, kriteria yang manakah menentukan saiz perniagaan?

- I Bilangan pekerja
  - II Jumlah jualan tahunan
  - III Jumlah bahan mentah
  - IV Jumlah aset dan pembangunan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

24. Maklumat di bawah berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

*Syarikat Logistik Fast ialah sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan. Syarikat ini mempunyai 80 orang pekerja dan mencapai jualan tahunan sebanyak RM25 juta.*


- Syarikat di atas dikenal sebagai
- A perniagaan bersaiz kecil
  - B perniagaan bersaiz besar
  - C perniagaan bersaiz mikro
  - D perniagaan bersaiz sederhana

25. Maklumat di bawah berkaitan dengan saiz perniagaan.

***Perniagaan P dan Q mempunyai jualan tahunan yang sama. Perniagaan P mempunyai bilangan pekerja yang ramai kerana berintensif buruh, manakala perniagaan Q berintensif mesin. Maka perniagaan P dianggap sebagai perniagaan yang bersaiz besar***

- Apakah jenis kriteria yang menunjukkan di atas?
- A Jumlah modal
  - B Bilangan pekerja
  - C Syer pasaran
  - D Jumlah jualan tahunan

26. Gambar di bawah berkaitan dengan saiz perniagaan.



Antara yang berikut, ciri-ciri yang manakah menerangkan perniagaan di atas?

- I Berskala tempatan
  - II Saiz perniagaan yang kecil
  - III Memerlukan modal yang banyak
  - IV Mempunyai bilangan pekerja seramai 75 hingga kurang daripada 200 orang
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

27. Puan Mariah mempunyai sebuah kedai runcit yang mempunyai 10 orang pekerja di Melaka. Apakah cabaran yang mungkin dihadapi oleh perniagaan Puan Mariah?

- A Lebih berdaya saing
- B Pengambilan pekerja
- C Aliran tunai yang negatif
- D Kos overhead yang rendah

28. Pilih pernyataan yang **betul** berkaitan dengan perniagaan bersaiz rendah.

	<b>Kelebihan</b>	<b>Kelemahan</b>
A	Wujud pengkhususan	Wujud jurang hubungan
B	Menikmati ekonomi bidangan	Ketidakpastian pasaran
C	Cepat menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan	Kos pengeluaran tinggi
D	Mudah ditubuhkan	Sukar untuk menyediakan latihan kepada pekerja

29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan perniagaan bersaiz rendah?

- I Wujud birokrasi
  - II Wujud pengkhususan
  - III Menikmati ekonomi bidangan
  - IV Semangat berpasukan yang tinggi
- A I dan II                      C II dan III  
 B I dan IV                      D III dan IV


30. Pernyataan di bawah menunjukkan situasi yang berlaku di sebuah negara.

*Keadaan ekonomi dan politik di negara X tidak menentu, dan berlaku perubahan peraturan serta teknologi.*

Apakah cabaran yang dihadapi oleh perniagaan bersaiz besar di negara tersebut?

- A Masalah aliran tunai
- B Pengambilan pekerja
- C Keuntungan tahunan
- D Ketidakpastian pasaran

31. Pernyataan di bawah menunjukkan suatu sektor perniagaan.



X boleh dikenali sebagai

- A sektor mikro
- B sektor utama
- C sektor kedua
- D sektor ketiga

32. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu sektor perniagaan.

*Aktiviti pembekalan tenaga dari pelbagai sumber untuk kegunaan pengguna.*

Aktiviti di atas boleh digolongkan dalam

- A sektor mikro
- B sektor makro
- C sektor utama
- D sektor kedua

33. Pernyataan yang manakah **benar** tentang sektor ketiga?

- A Membekalkan perkhidmatan tertentu kepada pengguna
- B Melibatkan pembinaan dan pemasangan barang
- C Memproses bahan mentah untuk menjadikan barang separuh siap
- D Mendapatkan sumber semula jadi untuk mengeluarkan bahan mentah

34. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang hubungkait antara ketiga-tiga sektor?

- I Sektor kedua memerlukan sektor utama untuk membekalkan bahan mentah
  - II Sektor pertama memerlukan sektor ketiga untuk membekalkan pekerja
  - III Sektor ketiga membantu untuk memproses bahan mentah sektor kedua
  - IV Sektor ketiga membantu untuk memasarkan produk sektor kedua
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

35. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu perniagaan.

*Sebuah pusat beli-belah Sunway Velocity Mall telah dibuka di Cheras, Kuala Lumpur.*

Apakah klasifikasi perniagaan bagi pusat beli-belah tersebut?

- A sektor utama
- B sektor kedua
- C sektor ketiga
- D sektor keempat

36. Pernyataan yang manakah **benar** tentang skala perniagaan Kedai Runcit Zuki?

- A Bersaiz besar-besaran
- B Memerlukan modal yang banyak
- C Menjual barang kepada pelanggan-pelanggan dari negeri lain
- D Dikenal sebagai skala perniagaan tempatan

37. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang **benar** tentang skala perniagaan kebangsaan?

- A Bertujuan untuk memenuhi keperluan kehendak setempat sahaja
- B Menggunakan strategi pemasaran yang sama
- C Mengamalkan strategi pemasaran terbeza
- D Merupakan perusahaan kecil dan sederhana

38. Maklumat di bawah berkaitan skala perniagaan.

*Aktiviti perniagaan yang melibatkan sebuah negara dengan negara lain.  
Barang yang dihasilkan dieksport ke luar negara.*

Skala perniagaan tersebut ialah

- A skala zon
- B skala negeri
- C skala tempatan
- D skala kebangsaan

39. MATRADE yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia berfungsi untuk membantu perniagaan yang terlibat dalam

- A skala global
- B skala negeri
- C skala tempatan
- D skala kebangsaan

40. Antara yang berikut, yang manakah merupakan skala perniagaan antarabangsa?

- I Suma Enterprises
  - II Malaysia Airlines Berhad
  - III Petronas Nasional Berhad
  - IV Syarikat Lee Sendirian Berhad
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

41. Pada 1990an, berlaku peralihan ekonomi daripada berasaskan p-ekonomi kepada e-ekonomi dengan memperkenalkan

- A Dasar Industri Berat
- B Koridor Raya Multimedia
- C Pelan Induk Perindustrian
- D Dasar Industri Berorientasikan eksport

42. Pada awal tahun 1990an, sektor yang manakah merupakan penyumbang utama kepada eksport Malaysia?

- A Sektor mikro
- B Sektor utama
- C Sektor kedua
- D Sektor ketiga

43. Gambar di bawah menunjukkan sebuah logo institusi kewangan.



Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi utama institusi kewangan tersebut?

- I Mengeluarkan mata wang negara
  - II Memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara
  - III Membantu peniaga mendapat pembiayaan sumber kewangan
  - IV Memberi pinjaman kepada orang ramai
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

44. Maklumat berikut menunjukkan suatu peranan kerajaan di Malaysia.

***Menangani isu perniagaan dari aspek perundangan, kewangan dan perkembangan aktiiti perniagaan.***

Pernyataan di atas merujuk kepada peranan

- A kerajaan pusat
- B kerajaan negeri
- C kerajaan tempatan
- D pihak berkuasa tempatan

45. Isu serantau ialah isu yang melibatkan

- A masalah yang dihadapi oleh sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan ekonomi
- B perniagaan di kawasan setempat seperti hubungan perniagaan dengan komuniti
- C hubungan antara Malaysia dengan negara jiran seperti Thailand
- D perdagangan antarabangsa seperti eksport dan import

46. Pernyataan berikut menunjukkan beberapa akta yang digubal di Malaysia.

- ***Akta Kontrak 1950***
- ***Akta Syarikat 1965***
- ***Akta Jualan Barangan 1957***

Apakah kepentingan akta-akta di atas dalam perniagaan?

- A Mengenakan cukai terhadap perniagaan
- B Mengawal perjalanan aktiviti perniagaan
- C Menentukan jenis hukuma terhadap pesalah-pesalah dalam perniagaan
- D Memberi khidmat nasihat kepada peniaga

47. Pilih pernyataan yang **betul**.

	Jenis Pelepasan Cukai	Huraian
A	Taraf Perintis	Diberikan kepada syarikat status MSC dan terlibat dalam industry teknologi tinggi
B	Pengecualian cukai	Diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan
C	Potongan cukai	Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi yang dianjurkan oleh kerajaan
D	Elaun pelaburan semula	Diberikan kepada syarikat yang mengeluarkan makanan, pembukaan tanah dan pembinaan jalan untuk membeli aset modal

48. Gambar di bawah berkaitan dengan agensi kerajaan.



Antara yang berikut, pernyataan yang manakah merupakan peranan agensi kerajaan di atas?

- A Menyediakan latihan dan pembangunan usahawan
- B Menyediakan sumber kewangan kepada usahawan
- C Mempromosikan aktiviti perdagangan di Malaysia
- D Menjamin kedudukan kewangan pencarum pada usia tua

49. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan pusat dalam aspek perkembangan aktiviti perniagaan?

- A Pelepasan cukai
- B Promosi perniagaan
- C Pembiayaan perniagaan
- D Pengubalan undang-undang

50. Gambar berikut merupakan suatu logo perbadanan kerajaan.



Perbadanan di atas mempunyai bidang kuasa

- A promosi
- B penyelidikan
- C tanah dan galian
- D undang-undang

51. Pernyataan yang manakah **benar** tentang peranan Pihak Berkuasa Tempatan?

- I Mengubal undang-undang perniagaan
  - II Menyediakan latihan dan pembangunan
  - III Melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat
  - IV Mengubal Undang-Undang Kecil Pasar
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

52. Pada peringkat serantau, apakah peranan kerajaan dari aspek ekonomi?

- A Menyediakan elaun eksport
- B Melaksanakan tanggungjawab sosial
- C Menyelesaikan hal ehwal perniagaan setempat
- D Mengeluarkan lesen perniagaan

53. Maklumat berikut menunjukkan sejenis pengangguran.

*Pak Kasim terpaksa berhenti bekerja di kebun pada musim kering kerana tumbuh-tumbuhan sukar untuk ditanam pada masa itu.*

Pengangguran di atas dikenal sebagai

- A pengangguran kitaran
- B pengangguran struktur
- C pengangguran teknologi
- D pengangguran bermusim

54. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan keadaan pengangguran kitaran?

- A Pekerja menganggur kerana tamat kontrak kerja
- B Majikan mengurangkan bilangan pekerja kerana berlaku kemelesetan ekonomi
- C Majikan mengurangkan bilangan pekerja kerana penggunaan teknologi terbaru
- D Berlaku perubahan dalam industry yang tidak memerlukan kemahiran Pekerja

55. Maklumat berikut ialah kaedah menangani pengangguran.

*Kerajaan memberi galakan kepada majikan supaya membenarkan pekerja terus bekerja dengan insentif tertentu.*

Kaedah di atas digunakan untuk menangani

- A pengangguran kitaran
- B pengangguran struktur
- C pengangguran bermusim
- D pengangguran teknologi



61. Deflasi merupakan satu keadaan

- A pengurangan import barang dan perkhidmatan secara berterusan
- B penambahan import barang dan perkhidmatan secara berterusan
- C kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan
- D kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan

62. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan kesan deflasi dengan **tepat**?

- I Penduduk kehilangan pekerjaan
  - II Peningkatan kuasa beli penduduk
  - III Penurunan penawaran barang di pasaran
  - IV Penurunan permintaan barang di pasaran
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

63. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi.

- *Menurunkan kadar cukai*
- *Menurunkan kadar faedah*

Tindakan kerajaan di atas adalah bertujua untuk mengatasi masalah

- A deflasi
- B inflasi
- C subsidi
- D peningkatan cukai

64. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi.

- *Kerajaan mengubah perbelanjaan kerajaan*
- *Bank pusat mengawal penawaran wang*

Tindakan kerajaan meningkatkan ekonomi negara melalui

- I dasar cukai
  - II dasar subsidi
  - III dasar fiskal
  - IV dasar kewangan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

65. Antara yang berikut, yang manakah faktor dalaman yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?

- A Ekonomi
- B Sumber manusia
- C Persaingan pasaran
- D Politik dan perundangan





76. Gaya pengurusan yang menunjukkan tindakan majikan yang tegas dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan dikenal sebagai

- A gaya pengurusan sokongan
- B gaya pengurusan autokratik
- C gaya pengurusan sederhana
- D gaya pengurusan *laissez-faire*


77. Kelebihan pengambilan sumber manusia dalaman ialah

- A melahirkan idea baharu
- B dapat memotivasikan pekerja
- C mempunyai kemahiran baharu
- D bersemangat dalam menjalankan tugas

78. Encik Marwan mengambil keputusan untuk menggaji Noraini yang baru tamat pelajaran di universiti sebagai seorang kerani. Apakah kekurangan pengambilan sumber manusia tersebut?

- A Kos merekrut yang tinggi
- B Tidak membawa idea yang baharu
- C Mempunyai pengetahuan stereotaip
- D Tidak mempunyai kemahiran baharu

79. Rajah berikut di bawah menunjukkan campuran pemasaran.



X mungkin sekali ialah

- A kos
- B jualan
- C pengedaran
- D penawaran

80. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor persekitaran perniagaan.

- *Ekologi*
- *Teknologi*
- *Politik*
- *Ekonomi*

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A peluang perniagaan
- B ancaman perniagaan
- C faktor luaran perniagaan
- D faktor dalaman perniagaan

81. Pernyataan berikut menunjukkan suatu faktor luaran.

***Harga barang import meningkat kira-kira 3% secara keseluruhannya***

Faktor luaran tersebut ialah

- A Politik
- B Ekonomi
- C Ekologi
- D Teknologi

82. Pernyataan berikut berkaitan dengan SWOT.

***Faktor dalaman yang membawa kesan negatif kepada perniagaan seperti kekurangan kepakaran***

Menurut SWOT, faktor di atas dikenal sebagai

- A peluang
- B ancaman
- C kekuatan
- D kelemahan

83. Tentukan pernyataan yang betul dan yang salah.

I Akta Persaingan 2010 menetapkan setiap perjanjian perlu wujud konsep balasan.

II Akta kontrak 1950 memberi peruntukan kepada sesebuah perniagaan bersaing secara adil.

	I	II
A	Betul	Betul
B	Betul	Salah
C	Salah	Betul
D	Salah	Salah

84. Pernyataan berikut menunjukkan sesuatu keadaan di pasaran.

***Syarikat A memplagiat reka bentuk produk Syarikat B kerana reka bentuk produk tersebut mendapat sambutan yang hangat dalam pasaran***


Akta yang manakah boleh digunakan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Akta Kontrak 1950
- B Akta Syarikat 1965
- C Akta Hak Cipta 1987
- D Akta Persaingan 2010





95. Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri SMART.



Antara yang berikut, yang manakah mungkin sekali ialah X?

- I Ringkas
  - II Jangka masa
  - III Boleh dicapai
  - IV Boleh difahami
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

96. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri-ciri SMART bagi sesuatu objektif perniagaan.

***Objektif yang dibentuk mempunyai peluang atau tidak mustahil untuk dicapai***

Apakah ciri-ciri SMART tersebut?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Jangka masa
- D Boleh diukur

97. Carta Gantt ialah

- A carta yang menunjukkan masa permulaan bagi beberapa aktiviti yang terlibat dalam sesuatu projek
- B carta yang menunjukkan tempoh matang bagi beberapa aktiviti yang terlibat dalam sesuatu projek
- C carta yang menunjukkan jenis aktiviti yang dirancang dengan tempoh yang masa telah ditetapkan
- D carta yang menunjukkan tarikh yang dirancang dan sebenar bagi beberapa aktiviti yang terlibat dalam sesuatu projek


98. Pernyataan di bawah berkaitan dengan objektif sebuah restoran makanan laut.

***Restoran Makanan Laut Siti ingin meningkatkan keuntungan sebanyak 25% dalam masa setahun***

Apakah ciri-ciri SMART yang terdapat dalam objektif Restoran Makanan Laut Siti?

- A Munasabah
- B Ringkas
- C Boleh diukur
- D Boleh dicapai

99. Maklumat di bawah berkaitan dengan tujuan penetapan X.



Apakah X?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Sasaran

100. Encik Ibrahim telah menubuhkan sebuah perniagaan yang menjual baju kurung di Cheras, Kuala Lumpur pada 14 Ogos 2016. Apakah misi yang sesuai bagi perniagaan Encik Ibrahim?

- A Menjual baju kurung yang menepati cita rasa tempatan
- B Menjadi sebuah perniagaan yang popular di Kuala Lumpur
- C Melahirkan pekerja yang mahir dalam membuat baju kurung
- D Mencapai jualan sebanyak 2000 helai baju kurung dalam setiap bulan

101. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan penetapan objektif?

- A Membantu perniagaan membuat perancangan
- B Menjelaskan tujuan penubuhan organisasi perniagaan
- C Menjadi sasaran yang membantu pencapaian tujuan organisasi
- D Memastikan hala tuju perniagaan berada di landasan yang tepat

102. Apakah maksud titik pulang modal?

- A Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah wang yang diterima bersamaan dengan jumlah wang yang dibelanjakan
- B Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah hasil yang diterima bersamaan dengan jumlah kos yang ditanggung
- C Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah modal yang diperlukan untuk mengeluarkan sesuatu produk atau perkhidmatan
- D Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah kos berubah bersamaan dengan jumlah kos tetap

103. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 30000 unit produk Y.

		<b>RM</b>
Kos tetap	360000	
Bahan langsung	150000	
Buruh langsung	120000	

Apakah titik pulang modal (unit) bagi pengeluaran produk Y sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 36000 unit
- B 42000 unit
- C 56000 unit
- D 60000 unit

104. Apakah maksud pertumbuhan perniagaan?

- A Menghasilkan barang dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi
- B Mengurangkan kos perbelanjaan untuk mencapai matlamat organisasi
- C Meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan
- D Menambahkan hasil dari semasa ke semasa untuk mencapai matlamat Organisasi

105. Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat BKK Sdn.Bhd.

		<b>RM</b>
Harga seunit kek	10	
Kuantiti dijual	600	
Kos tetap	3000	
Kos berubah	900	

Hitungkan jumlah hasil Syarikat BKK Sdn.Bhd. dalam jualan kek.

- A RM 2100
- B RM 3000
- C RM 3900
- D RM 6000

106. Pernyataan yang manakah **benar** tentang maksud memaksimumkan keuntungan?

- A Memperoleh keuntungan tertinggi akibat daripada peningkatan produktiviti pekerja
- B Memperoleh keuntungan tertinggi akibat daripada pengurangan kos pengeluaran
- C Memperoleh keuntungan tertinggi akibat daripada penggunaan faktor pengeluaran dengan cekap
- D Memperoleh keuntungan tertinggi akibat daripada pertambahan pengeluaran barang atau perkhidmatan

107. Pernyataan yang manakah merupakan konsep kecekapan?
- A Memaksimumkan hasil dengan kos yang minimum
  - B Meminimumkan kos dengan pengeluaran output yang maksimum
  - C Memaksimumkan hasil dengan pengeluaran output yang maksimum
  - D Memaksimumkan hasil dengan meningkatkan harga barang yang dijual
108. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor sesebuah perniagaan bertahan dalam industry?
- I Kewangan
  - II Pengeluaran
  - III Ekonomi negara
  - IV Sumber manusia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
109. Bagaimanakah peniaga dapat meningkatkan keuntungan syarikat?
- A Menjual barang pada harga di bawah kos
  - B Mengurangkan kos dalam pengeluaran
  - C Meningkatkan perbelanjaan dalam pembelian input
  - D Menambahkan bilangan pekerja dalam pengeluaran
110. Apakah maksud daya saing tinggi?
- A Kemampuan sesebuah perniagaan untuk terus beroperasi di pasaran
  - B Kemampuan sesebuah perniagaan untuk terus berkembang pada masa depan
  - C Kemampuan sesebuah perniagaan untuk memperoleh keuntungan yang maksimum
  - D Kemampuan sesebuah perniagaan untuk bersaing dengan pesaing yang lain di pasaran
111. Pernyataan yang manakah **benar** tentang syer pasaran?
- A Jumlah penduduk yang terdapat di sebuah pasaran
  - B Jumlah barang yang dijual oleh perniagaan di sebuah pasaran
  - C Peratus barang yang dikeluarkan di sebuah perniagaan
  - D Peratus penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang sesebuah perniagaan
112. Apakah kebaikan menguasai syer pasaran yang terbesar?
- A Aktiviti promosi dapat dikurangkan
  - B Meningkatkan kualiti barang yang dikeluarkan
  - C Memperoleh pendapatan yang tinggi daripada jualan
  - D Meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan





123. Apakah faktor luaran yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi, dan objektif perniagaan?  
 A Demografi  
 B Kewangan  
 C Sosiobudaya  
 D Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

124. Antara yang berikut, kriteria yang manakah boleh digunakan untuk menilai pencapaian visi, misi, dan objektif perniagaan?  
 I Syer pasaran  
 II Daya ketahanan  
 III Khidmat pelanggan  
 IV Penyediaan perkhidmatan  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

125. Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif perniagaan yang ditetapkan oleh Encik Sam.

- Meningkatkan jualan sebanyak 20% pada tahun 2018
- Membuka cawangan di Sabah dan Sarawak

Apakah aspek yang membolehkan Encik Sam mengetahui sama ada mencapai objektif perniagaan di atas?

I Jualan  
 II Pertumbuhan perniagaan  
 III Pertumbuhan keuntungan  
 IV Titik pulang modal  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

126. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos yang terlibat dalam pengeluaran barang X.

	<b>RM</b>
<i>Gaji pekerja</i>	<i>50000</i>
<i>Kadar bayaran</i>	<i>5000</i>
<i>Kos tetap lain</i>	<i>3000</i>
<i>Kos berubah</i>	<i>300000</i>

Syarikat Mitiwan ingin mengeluarkan 10000 unit barang X dan dijual pada RM70 seunit. Apakah aspek yang membolehkan Syarikat Mitiwan mengetahui sama ada hasil yang diperoleh bersamaan dengan jumlah kos yang ditanggung?

A Jumlah  
 B Jumlah hasil  
 C Titik pulang modal  
 D Titik pulang untung

127. Apakah maksud bahagian fungsian?
- A Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk seluruh organisasi
  - B Bahagian yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk seluruh organisasi
  - C Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk bahagian tersebut
  - D Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk bahagian tersebut.
128. Pernyataan yang manakah merupakan aspek penting yang ditunjukkan oleh carta organisasi?
- A Pembahagian kuasa
  - B Pengasingan kuasa
  - C Pembahagian kerja
  - D Pengkhususan kerja
129. Pernyataan di bawah menunjukkan suatu peringkat dalam pengurusan
- Encik Lim bertanggungjawab ke atas semua operasi dan aktiviti dalam sesebuah organisasi. Semua aktiviti yang dijalankan dalam organisasi perlu dilaporkan kepada beliau***
- Apakah peringkat pengurusan bagi Encik Lim?
- A Pengurusan atasan
  - B Pengurusan bawahan
  - C Pengurusan sederhana
  - D Pengurusan pertengahan
130. Pernyataan yang manakah merupakan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?
- A Merancang kewangan organisasi perniagaan
  - B Menjalankan aktiviti sokongan untuk seluruh organisasi
  - C Menyelaras aktiviti organisasi bagi mencapai matlamat organisasi
  - D Merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal demi mencapai matlamat organisasi

131. Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan pakej tuisyen yang akan ditawarkan oleh Pusat Tuisyen Bijak.

**Pusat Tuisyen Bijak**

- Subjek yang ditawarkan untuk pelajar SPM: Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Prinsip Perakaunan dan Ekonomi.
- Subjek tunggal RM70.00. Empat subjek hanya perlu RM240.00

Encik Arif bercadang untuk membuka sebuah pusat tuisyen di Taman Chai Leng, Butterworth dengan menawarkan pakej tuisyen di atas. Apakah bahagian fungsian yang perlu ditubuhkan di pusat tuisyen tersebut.


- I Pembelian
- II Pengagihan
- III Kewangan
- IV Pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

132. Pernyataan yang manakah **tepat** tentang tujuan bahagian fungsian sumber manusia?

- A Menjawab pertanyaan pelanggan
- B Memastikan bahan mentah yang digunakan dalam pengeluaran mencukupi
- C Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang berkemahiran
- D Menyediakan pakar untuk memberikan maklumat mengikut kehendak Pelanggan

133. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan bahagian fungsian X dalam syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd. .



Apakah bahagian fungsian X?

- A Pengurusan
- B Pentadbiran
- C Perancangan sumber manusia
- D Pengurusan sumber manusia

134. Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah terdapat dalam organisasi perniagaan?

- A Kewangan
- B Pengiraan kewangan
- C Perancangan kewangan
- D Perakaunan dan kewangan

135. Maklumat di bawah berkaitan dengan dokumen yang digunakan oleh sebuah bahagian fungsian.

- *Invois belian*
- *Nota kredit*
- *Keratan cek*
- *Resit diterima*

Apakah bahagian fungsian yang menggunakan dokumen di atas?

- A Perakaunan
- B Kewangan
- C Pembelian
- D Pembiayaan

136. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan peranan bahagian fungsian kewangan?

- A Mengawal kewangan setiap bahagian
- B Menyimpan data atau maklumat tentang kewangan organisasi
- C Mencipta perisian untuk digunakan dalam urusan kewangan
- D Memperkenalkan sistem baharu untuk pengurusan kewangan

137. Pernyataan yang manakah **benar** tentang tujuan bahagian fungsian dan teknologi maklumat dan telekomunikasi?

- A Mendedahkan maklumat penting organisasi kepada pihak luar
- B Memudahkan komunikasi dalaman (Intranet) dan luaran (Internet)
- C Mempromosikan barang dan perkhidmatan yang ditawarkan di laman sosial
- D Menyelesaikan hutang perniagaan dengan membuat pembayaran secara dalam talian


138. Maklumat di bawah menunjukkan suatu bahagian fungsian.

*Staf dalam bahagian fungsian ini akan menandatangani kontrak dengan pembekal agar pembekal janji membekal bahan mentah yang berkualiti.*

Apakah bahagian fungsian di atas?

- A Pentadbiran
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Pembelian


139. Gambar di bawah menunjukkan suatu bahagian fungsian dalam sesebuah organisasi perniagaan.



Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Operasi
  - B Pengagihan
  - C Pengeluaran
  - D Pengurusan sumber manusia
140. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kawalan selepas?
- A Memastikan bahan mentah yang dipesan mempunyai kuantiti yang betul
  - B Memastikan pekerja mempunyai kemahiran dalam mengoperasikan mesin
  - C Memastikan peralatan yang digunakan dalam proses pengeluaran dapat berfungsi yang baik
  - D Memastikan produk yang siap dihasilkan diperiksa terdahulu sebelum dihantar ke pasaran untuk dijual


141. Maklumat di bawah berkaitan dengan aktiviti bahagian fungsian Syarikat Safie Sdn. Bhd. .



Apakah bahagian fungsian K?

- A Jualan
  - B Pengagihan
  - C Pemasaran
  - D Pembelian
142. Pernyataan yang manakah merupakan peranan bahagian fungsian jualan?
- A Menyediakan sebut harga barang yang dijual
  - B Mengenal pasti keperluan dan kehendak pelanggan
  - C Membuat promosi melalui pelbagai media komunikasi
  - D Memasarkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan

143. Rajah di bawah menunjukkan campuran pemasaran.



Pernyataan yang manakah **benar** tentang X?

- A Menghantar barang ke tangan pelanggan tepat pada masanya
  - B Menggunakan strategi untuk menentukan nilai produk yang dijual
  - C Membuat pembungkusan yang menarik terhadap produk yang dihasilkan
  - D Aktiviti menarik pelanggan untuk membeli sesuatu barang melalui Pengiklanan
144. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan seorang pekerja dalam suatu bahagian fungsian Syarikat Leena Sdn. Bhd. .

*Encik Tan: Saya bertanggungjawab mendapatkan dan mengurus profil pelanggan. Ini amat penting untuk bahagian fungsian saya membuat penyelidikan tentang permintaan pengguna di pasaran.*

Apakah bahagian fungsian yang Encik Tan terlibat dalam Syarikat Leena Sdn. Bhd. ?

- A Jualan
  - B Kewangan
  - C Pemasaran
  - D Pengagihan
145. Encik Salim bercadang untuk membuka sebuah restoran makanan laut di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah lebih sesuai ditubuhkan di restoran tersebut?
- I Jualan
  - II Pengeluaran
  - III Pengagihan
  - IV Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

146. Bahagian fungsian yang manakah mungkin wujud dalam sebuah koperasi yang menjual alat tulis?
- I Jualan
  - II Pembelian
  - III Khidmat pelanggan
  - IV Penyelidikan dan pembangunan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

147. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sebuah bahagian fungsian.

*- Menyediakan sebut harga untuk barang dijual*  
*- Mengadakan rundingan perniagaan dengan pelanggan*  
*- Memberikan khidmat nasihat kepada pelanggan*

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Jualan
  - B Pembelian
  - C Pemasaran
  - D Khidmat pelanggan
148. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan seorang pekerja dalam suatu bahagian fungsian.

*Cik Siti: Hai, encik. Apakah yang saya boleh bantukan?*

*Encik Ramli: Saya ingin membuat aduan tentang barang elektronik yang saya baru membeli ini sudah rosak.*


Apakah bahagian fungsian yang Cik Siti terlibat?

- A Jualan
  - B Pemasaran
  - C Khidmat pelanggan
  - D Penyelidikan dan pembangunan
149. Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah terdapat dalam Syarikat MB Sdn. Bhd. yang menjual barang secara atas talian?
- I Pengagihan
  - II Pelanggan
  - III Pengedaran
  - IV Khidmat pelanggan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV





158. Mengapakah organisasi menjalinkan hubungan yang baik dengan pembekal?
- Pembekal menyediakan kemudahan kredit
  - Pembekal membekalkan bahan mentah tepat pada masa
  - Pembekal mengadakan rundingan perniagaan tentang syarat perniagaan
  - Pembekal menawarkan perkhidmatan penghantaran bahan atau barang
159. Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?
- Pembekal
  - Peguam
  - Pelabur
  - Kerajaan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
160. Apakah yang akan berlaku dalam proses enkod semasa pengaliran maklumat?
- Menglibatkan pengolahan terhadap sesuatu idea
  - Unsur luaran yang mempengaruhi proses komunikasi
  - Penerima menterjemahkan mesej mengikut kefahamannya
  - Penghantar menghantar mesej yang penting kepada penerima
161. Maklumat di bawah berkaitan dengan elemen R dalam proses komunikasi.



- Apakah X?
- Enkod
  - Dekod
  - Tindak balas
  - Maklum balas

162. Maklumat di bawah berkaitan dengan salah satu proses dalam aliran barang dan perkhidmatan.

*- Jadual pengeluaran yang dipersetujui*

Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah bertanggungjawab melaksanakan proses tersebut?

I Pemasaran

II Jualan

III Pengeluaran

IV Pembelian

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

163. Pernyataan yang manakah merupakan kelebihan perniagaan besar berbanding dengan perniagaan kecil?

A Terdapat banyak bahagian fungsian dalam organisasi

B Mengambil masa yang panjang dalam proses komunikasi

C Memiliki sumber kewangan yang banyak dalam organisasi

D Mempunyai bilangan pekerja yang banyak dalam organisasi

164. Bahagian fungsian manakah hanya wujud di dalam perniagaan besar?

A Pentadbiran

B Khidmat pelanggan

C Pengurusan sumber manusia

D Penyelidikan dan pembangunan (R&D)

165. Pernyataan yang manakah merupakan peranan bahagian fungsian jualan kepada perniagaan besar?

A Menjawab pertanyaan pengguna tentang produk yang dijual

B Menyediakan sebut harga produk yang diperlukan oleh pengguna

C Memaklumkan bahagian fungsian pembelian tentang jenis bahan dan kuantiti yang diperlukan

D Membantu bahagian fungsian pemasaran dalam usaha mempromosi produk dan perkhidmatan

166. Pernyataan yang manakah **benar** tentang interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar dalam bahagian fungsian kewangan?

A Perniagaan kecil menyediakan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjelaskan hutang kepada perniagaan besar

B Perniagaan besar menyediakan kemudahan kredit kepada perniagaan kecil

C Perniagaan kecil menjelaskan hutang kepada perniagaan besar mengikut tempoh masa yang ditetapkan

D Perniagaan besar memastikan setiap bayaran dibuat oleh perniagaan kecil mengikut perjanjian

167. X merupakan satu proses perancangan, pengagihan, pengawalan, dan kepimpinan modal insan organisasi. Apakah yang berkaitan dengan X?
- A Pengurusan sumber kewangan
  - B Pengurusan sumber manusia
  - C Pengurusan sumber fizikal
  - D Pengurusan pengeluaran
168. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pengurusan sumber manusia?
- I Merancang sumber manusia
  - II Latihan dan pembangunan
  - III Hubungan industri
  - IV Memasarkan produk
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
169. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

**Syarikat YY membayar bonus kepada pekerja yang berproduktiviti tinggi.**

- Apakah peranan pengurusan sumber manusia tersebut?
- A Merancang keperluan sumber manusia
  - B Merancang skim kesihatan dan keselamatan
  - C Menguruskan sistem pemberian ganjaran dan pampasan
  - D Menyediakan latihan dan pembangunan
170. Antara yang berikut yang manakah dokumen formal yang digolong dalam analisis kerja?
- I Keperluann kerja
  - II Pengalaman kerja
  - III Penghuraian kerja
  - IV Spesifikasi kerja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

